

# Mencurahkan bakti di pedalaman

## ► Program Serintis 2 Jakmas CD UMS capai kejayaan di Lormalong

48 9.3.2014 B1

Oleh JOHAN AZIZ

**P**ROGRAM kemasyarakatan Siswa Rintis Desa (Serintis) 2 anjuran Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang diadakan di Kampung Lormalong, Kunak baru-baru ini mencapai kejayaan yang menggalakkan.

Program ini dikelola oleh Mahasiswa Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik (CD) dengan pemantauan Pengetua



MOHAMMAD NIZAM

Kolej, Felo dan Jakmas.

Serintis 2 diadakan bagi memberikan peluang kepada mahasiswa/siswi UMS, khususnya warga Kolej Kediaman CD yang terdiri daripada berbilang bangsa, etnik dan keturunan menyumbang bakti kepada masyarakat khususnya di

kawasan pedalaman Sabah.

Pengetua Kolej Kediaman CD Dr Mohamad Nizam Nazarudin menegaskan bahawa, antara objektif yang ditekankan dalam program ini adalah meningkatkan kemahiran insaniah dalam siri mahasiswa terutama dalam aspek kepimpinan, memupuk semangat kerjasama dan berpasukan dalam diri setiap mahasiswa yang terlibat.

Selain itu katanya, ianya memberi pengalaman kepada mahasiswa dalam mengurus dan mengendalikan sebuah program dan membuka peluang kepada mahasiswa untuk menabur bakti

kepada masyarakat khususnya kepada masyarakat luar bandar.

Nizam memberitahu bahawa hari pertama program Serintis 2 dimulai dengan peserta melaksanakan aktiviti bersama pelajar di Sekolah Kebangsaan (SK) Lormalong dan SK Madai, Kunak.

“Aktiviti ini bermatlamat untuk memperkembangkan kemahiran berfikir pelajar dan membawa mereka untuk lebih mudah belajar dengan cara yang lebih menarik seperti melakukan permainan yang berbentuk pelajaran.

“Objektifnya adalah bagi meningkatkan insaniah mereka dalam membantu pelajar sekolah untuk lebih seronok belajar melalui aktiviti yang bermanfaat ini. Satu slot yang sangat menarik dapat memberikan motivasi kepada pelajar sekolah untuk menyenaraikan semua kesukaran untuk mengingat pelajaran.

“Dan di sini mahasiswa telah membantu pelajar



SAPAWI (tengah) bersama-sama dengan para pegawai Yayasan Sabah dan UMS hadir pada majlis penutupan itu.

sekolah yang bermasalah dapat dibawa berbincang bersama guru-guru sekolah untuk membantu menangani masalah mengajar dengan cara yang lebih berkesan,” katanya.

Nizam berkata, bagi hari kedua diteruskandengan aktiviti-menarik di mana para peserta bersama penduduk Kg Lormalong yang sangat memberikan kenangan bermakna.

Katanya, acara sukaneka yang dijalankan bersama penduduk adalah bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim dengan penduduk kampung.

Selain itu, katanya sukaneka juga adalah satu aktiviti riadah yang sangat baik bagi meningkatkan kecerdasan minda semua penduduk bersama peserta.

“Seterusnya, malam kebudayaan diadakan di mana penglibatan



KETIBAAN para peserta ke Kg. Lormalong, Kunak.

penduduk kampung sangat memberangsangkan bersama peserta.

“Kejutan untuk semua peserta apabila ketua kampung juga turut membuat persembahan untuk mahasiswa yang datang ke kampung itu,” katanya.

Menurut Nizam, hari terakhir pula diadakan majlis penutupan yang membawa sekali penglibatan

Program Desa Cemerlang dan Berinovasi (PDCB) oleh Yayasan Sabah.

Katanya, hadir sama pada majlis itu ialah 65 peserta program dari Kolej Kediaman CD termasuklah Pengarah Yayasan Sabah Datuk Sapawi Ahmad, Pegawai-pegawai Yayasan Sabah, Pensyarah-pensyarah UMS, guru-guru, penduduk kampung dan pelajar-pelajar sekolah.



BARISAN Jakmas bersama Felo Penasihat Serintis 2.